

## Sukan Institusi Pengajian Tinggi



### KEDUDUKAN

| UPM      | 45 | 21 | 19 |
|----------|----|----|----|
| UiTM     | 37 | 22 | 39 |
| UniMAP   | 13 | 1  | 3  |
| UTM      | 12 | 7  | 10 |
| UM       | 10 | 11 | 14 |
| USM      | 9  | 11 | 13 |
| UTHM     | 6  | 5  | 0  |
| UKM      | 6  | 3  | 3  |
| KK SBH   | 6  | 0  | 1  |
| UPSI     | 5  | 9  | 9  |
| UPNM     | 4  | 4  | 6  |
| Taylor's | 4  | 4  | 1  |
| UUM      | 4  | 3  | 4  |
| IUIM     | 3  | 11 | 9  |
| INTI     | 3  | 7  | 0  |

### JADUAL (HARI INI)

Olahraga (enam emas) - Stadium MSN, Bukit Jalil

**8 pagi:** 10,000m lelaki, lempar cakera wanita, lompat kijang lelaki dan wanita, 1,500, lelaki dan wanita

Karatedo (lima emas) - Dewan Gemilang UKM, Bangi

**9 pagi:** Kumite berpasukan lelaki dan wanita

Ragbi 7-sebelah (satu emas) - Padang Ragbi UPM, Serdang

**1 petang:** Perlawanan akhir

Bola tampar pantai (satu emas) - Gelanggang Bola Tampar Pantai UKM, Bangi

**9 pagi:** Perlawanan akhir dan penentuan gangsa

# UPM selangkah juara

KUALA LUMPUR - Berbaki dua hari sebelum Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) melabuhkan tirainya, Universiti Putra Malaysia (UPM) semalam mula menjarakkan diri daripada pencabar terdekatnya, Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan jurang kelebihan lapan pingat emas.

Penguasaan atlet-atlet UPM dalam dua sukan 'reben biru' yang menawarkan kombinasi 77 emas iaitu akuatik minggu lalu dan olahraga yang masih rancak berlangsung, membolehkan kontinen itu memintas UiTM dalam carta pungutan pingat sejak kelmarin sekali gus muncul pilihan untuk dinobatkan juara keseluruhan.


Jika di kolam renang minggu lalu dianggap 'lubuk emas' UPM dengan penghasilan 15 emas, bekalan pingat emas di arena olahraga sama memberangsangkan.

Ini kerana setakat hari ketiga trek dan balapan semalam, UPM telah pun membolot 10 daripada 28 emas yang dipertandingkan di Stadium MSN, Bukit Jalil, dan jumlah itu dijangka bertambah memandangkan masih tinggal 11 emas menjadi rebutan.

UPM menambah tiga emas menerusi kuartet 4x100m lari berganti-ganti lelakinya, S. Kannan, Zabidi Ahmad, Rohaizad Jamil dan Jad Adnan Washif, Nur Sayidah Ramli (lontar peluru wanita) dan J. Karthik (lari berhalangan lelaki).

Kuartet UPM mencatat 42.03 saat, menumpaskan UiTM (42.52s) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) (43.41s).

Kannan, pelari 'anchor' untuk UPM, memberitahu bagaimana niat untuk menyekat UiTM bagi



membantu' kontinen mereka mencapai sasaran muncul juara keseluruhan SUKIPT telah membakar semangat pasukan.

"Kami tahu cabaran bakal datangnya daripada kuartet UiTM, jadi adalah penting untuk mereka disetek daripada terus memperoleh tambahan emas.

"Misi membantu UPM muncul juara keseluruhan membuatkan kami lebih bersemangat untuk menjuarai perlumbaan ini dan kami berempat bangga dapat memainkan peranan untuk kontinen kami," kata Kannan.

Gelaran 4x100m wanita pula milik UniMAP yang ditariki Norjannah Hafizah Jamaludin, Nurul Faizah Asma Mazlan, Raja Nursheena Raja Azhar dan Nor Atikah Awang dengan catatan 48.47s.

Kepantasan larian kuarter itu gagal digugat dua pencabar terdekat, UPM (49.72s) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) (53.99s).

UniMAP turut meraih dua emas lagi, sekali gus emas kelapan dalam olahraga, menerusi Mohamed Baihaqi Razlan (400m lari berpagar) dan Muhammad Azwan Fahmi Zuhairi (lempar cakera lelaki).